

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- PENGGUBALAN DAN PELAKSANAAN DASAR UTAMA OLEH KERAJAAN ADALAH BERTUJUAN MEWUJUDKAN PERPADUAN DAN BUKAN SEBALIKNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

KETIKA MENJAWAB PERKARA BERBANGKIT SEMASA PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH ATAS TITAH DIRAJA, PERDANA MENTERI BERKATA PELAKSANAAN DASAR-DASAR ITU PADA MASYARAKAT MAJMUK DI NEGARA INI TENTU MEMERLUKAN MASA YANG AGAK LAMA.

+YANG PENTING KITA INGATI IALAH RAKYAT MALAYSIA DARIPADA SEMUA KETURUNAN TELAH MENIKMATI HASIL DARIPADA PELAKSANAANNYA, KHUSUSNYA DASAR EKONOMI BARU DAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN.+

+ OLEH ITU, ADALAH TIDAK ADIL BAGI KITA TERLAMPAU MEMPERSOALKAN PELAKSANAAN DASAR-DASAR ITU SEOLAH-OLAH IA MEMBAWA KEBURUKAN SAHAJA KEPADA RAKYAT NEGARA INI TANPA APA-APA KEBAIKAN PUN,+ KATANYA.

MENGENAI LANGKAH PENJIMATAN KERAJAAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI SENTIASA MENGAJAI KEUTAMAAN PROJEK-PROJEK UNTUK KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT TERUTAMA PROJEK BESAR YANG BELUM DILAKSANAKAN. -- LAGI.

2042MST 19 03 86

+PELAKSANAAN PROJEK YANG RENDAH KEUTAMAANNYA DARIPADA SEGI KEPENTINGAN NEGARA DAN RAKYAT KESELURUHANNYA, DAN YANG MEMBABITKAN PERBELANJAAN BESAR AKAN TERUS DITANGGUHKAN UNTUK DISESUAIKAN DENGAN KEADAAN EKONOMI NEGARA,+ KATA BELIAU.

+DI SAMPING ITU, KOS DAN MUTU BAGI PROJEK-PROJEK JUGA AKAN TERUS DIKAWAL SUPAYA TIDAK BERLAKU PEMBAZIRAN APABILA DILAKSANAKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU DEWAN BAHAWA KERAJAAN MEMIKIRKAN TIDAK PERLU DITUBUHKAN SATU SURUHANJAYA KHUSUS UNTUK MENYEMAK KADAR GAJI PARA PEKERJA AWAM PADA MASA INI.

KERAJAAN MEMANG ADA MENGUMPUL DARI SEMASA KE SEMASA KADAR GAJI PARA PEKERJA AWAM DI NEGARA LAIN DI RANTAU INI DAN JUGA DI NEGARA YANG MAJU DAN DATA-DATA ITU DIGUNAKAN UNTUK KAJIAN PERBANDINGAN.

BELIAU MENAMBAH KATA, KERAJAAN SEDANG DAN AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH PENJIMATAN YANG SESUAI DALAM PERKHIDMATAN AWAM TERMASUK PEMBEKUAN JAWATAN YANG TIDAK BEGITU PENTING DAN MENSWASTAKAN AGENSI DAN PROJEK KERAJAAN YANG BERSESUAIAN. -- LAGI.

2058MST 19 03 86

D856

U B632 DEB

PARLIMEN - MAHATHIR (POLIRASASI) 3 KUALA LUMPUR

KAJIAN JUGA SEDANG DIBUAT UNTUK MENGURANGKAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM DAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITINYA, KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI KERJA-KERJA YANG DITAWARKAN OLEH PETRONAS, BELIAU BERKATA, 45.8 PERATUS DARIPADA JUMLAH NILAI KONTRAK DIBERIKAN KEPADA SYARIKAT TEMPATAN PADA 1984 DAN 1985.

KATANYA, SUNGGUHPUN SEBAHAGIAN BESAR KERJA BERAT SEPERTI FABRIKASI DIBERIKAN KEPADA SYARIKAT ASING, PETRONAS MENGENAKAN SYARAT SUPAYA MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN TEMPATAN, KECUALI JIKA BAHAN YANG DIPERLUKAN TIDAK DIKELUARKAN DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA MEMANG MENJADI DASAR KERAJAAN MENINGKATKAN PEMBABITAN KONTRAKTOR TEMPATAN BAGI KERJA-KERJA BERAT YANG DITAWARKAN OLEH PETRONAS DAN IA SENTIASA MENGAWASI JENIS-JENIS KERJA YANG BOLEH DIJALANKAN OLEH PEMBORONG DAN PEMBEKAL TEMPATAN.

+ DI SAMPING ITU, JIKA KEPERLUAN TEKNIKAL DAPAT DIPENUHI, PETRONAS MEMANG BERUSAHA SUPAYA KONTRAK-KONTRAK BESAR DIPECAHKAN KEPADA BEBERAPA BAHAGIAN KECIL BAGI MEMBOLEHKAN KONTRAKTOR TEMPATAN MEMBABITKAN DIRI. -- LAGI.

2101MST 19 03 86

D858

U B633 DEB

PARLIMEN - MAHATHIR (POLARISASI) 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI RASUAH, BELIAU BERKATA IA TERKAWAL DAN BADAN PENCEGAH RASUAH SENTIASA MELIPATGANDAKAN USAHA MEMERANGINYA TERUTAMA DARIPADA SEGI SIASATAN, PERISIKAN DAN PENCEGAHAN.

+USAHA MENGHAPUSKAN RASUAH BUKANLAH SATU KERJA MUDAH KERANA IA MEMERLUKAN SOKONGAN DAN KERJASAMA DARIPADA SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT.

+KERJASAMA ANGGOTA MASYARAKAT MEMBERIKAN KETERANGAN DAN BUKTI SECUKUPNYA DIPERLUKAN KERANA KES-KES RASUAH BIASANYA SUSAH UNTUK DIBUKTIKAN DI MAHKAMAH,+ KATANYA.

MENGENAI INSTITUT KAJIAN STRATEJIK DAN ANTARABANGSA (ISIS), BELIAU BERKATA, IA DITUBUHKAN UNTUK MEMBERI IDEA-IDEA DAN PANDANGAN KEDUA MENGENAI ISU SEMASA YANG PENTING YANG BERKAITAN DENGAN DASAR-DASAR KERAJAAN.

BELIAU MENAMBAH KATA, HAL-HAL BERKAITAN DENGAN EKONOMI SEMEMANGNYA MENJADI SATU PERKARA YANG DIBERI PERHATIAN OLEH ISIS DAN MENJADI AMALANNYA UNTUK MENGEMUKAKAN HASIL KAJIANNYA KEPADA KERAJAAN.

DEWAN BERSAMBUNG ESOK. -- BERNAMA.